

# Anwar raih majoriti dua pertiga

## Sokongan menoktahkan persoalan keutuhan Kerajaan Perpaduan

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim, Mohd Nasaruddin Parzi dan Muhammad Yusri Muzamir  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Selepas melalui pelbagai episod politik pasca Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15), Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam memperoleh sokongan majoriti dua pertiga Ahli Parlimen menerusi usul undi percaya sebagai Perdana Menteri Ke-10.

Sokongan sebulat suara terhadap usul berkenaan sekali gus menoktahkan keutuhan Kerajaan Perpaduan yang diterajui Anwar yang juga Menteri Kewangan dan

Ahli Parlimen Tambun itu.

Keputusan itu diumumkan Yang Dipertua Dewan Rakyat, Datuk Johari Abdul selepas undian dilaksanakan melalui undi suara majoriti Ahli Parlimen, pada sesi Mesyuarat Penggal Pertama Parlimen Ke-15, semalam.

Usul undi percaya terhadap Anwar itu dibentangkan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof dan disokong rakan sejawatnya, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi serta dibahaskan oleh 12 Ahli Parlimen kerajaan dan pembangkang.

Persidangan juga menyaksikan kekecohan ketika perbahasan apabila pembangkang mempertikaikan usul itu yang didakwa tidak diperlukan.

Menteri Undang-Undang dan Reformasi Institusi, Datuk Seri Azalina Othman Said, ketika menggulung perbahasan usul itu, berkata undian percaya kepada Perdana Menteri pernah dilakukan sebelum ini, ketika era pentadbiran Allahyarham Tun Hussein Onn dan Tun Abdullah



Anwar ketika sesi bergambar bersama Ahli Parlimen sempena Mesyuarat Parlimen Penggal Pertama Parlimen Ke-15 di Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur, semalam. (Foto ihsan Jabatan Penerangan)

Ahmad Badawi, masing-masing pada 1976 serta 2003.

### Tak wajib bentang usul

Beliau bersetuju dengan pembangkang mengenai usul berkenaan tidak wajib dibentangkan di Dewan Rakyat bagaimanapun menjelaskan, kebiasaannya sebelum ini, ia akan dibawa dalam keadaan kesinambungan antara Perdana Menteri.

Mengetengahkan contoh Kerajaan New Zealand, Azalina berkata, Perdana Menteri, Jacinda Arden yang mewujudkan kerajaan gabungan mengemukakan usul undi percaya bagi memberikan keyakinan dalam Parlimen.

“Dalam hal ini, saya ingin tegaskan ialah permohonan kerajaan yang mana Aturan Urusan

Mesyuarat Dewan Rakyat membenarkan (usul undi percaya terhadap Perdana Menteri) dan kerajaan membuat permohonan itu,” kata Ahli Parlimen Pengerang itu.

Berdasarkan sokongan mengikut parti, jumlah Ahli Parlimen yang menyokong kerajaan perpaduan pimpinan Anwar sekarang ialah seramai 148 orang.

Ia merangkumi daripada PH 82, BN (30), GPS (23), GRS (6), Warisan (3), KDM (1), PBM (1), dan Bebas 2 kerusi. Selebihnya iaitu 74 kerusi ialah milik PN yang juga blok pembangkang.

Sokongan terhadap usul itu secara langsung mengabsahkan kedudukan kerajaan pimpinan Anwar ketika ini, sekali gus menggambarkan kedudukan se-

buah kerajaan kukuh dan stabil.

Kerajaan kembali kukuh selepas kerajaan yang terbentuk selepas Pilihan Raya Umum (PRU) 2008, PRU 2013 dan PRU 2018 tidak memperoleh sokongan sekurang-kurangnya 148 kerusi di Dewan Rakyat.

Anwar pada sidang media sulungnya sejourus mengangkat sumpah jawatan Perdana Menteri pada 24 November lalu, memaklumkan agenda pertama persidangan Dewan Rakyat adalah untuk membentangkan usul undi percaya terhadapnya.

Usul itu untuk membuktikan keabsahan sokongan majoriti ahli Dewan Rakyat terhadapnya, sekali gus memperkukuh kestabilan Kerajaan Perpaduan yang terbentuk pasca PRU15.